

08 JAN 2000

Mahathir-Raya

LEBIH 50,000 ORANG KUNJUNGI RUMAH TERBUKA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 8 Jan (Bernama) -- Lebih 50,000 orang mengunjungi rumah terbuka Hari Raya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kediaman rasmi beliau Sri Perdana, di sini, hari ini.

Pengunjung-pengunjung itu berpusu-pusu ke dewan banquet Sri Perdana untuk mengucapkan Dr Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali "Selamat Hari Raya".

Inilah kali pertama Dr Mahathir mengadakan rumah terbuka di Sri Perdana di sini. Rumah-rumah terbuka Hari Raya sebelum ini diadakan di Sri Perdana di Kuala Lumpur.

Jumlah pengunjung tahun ini di luar jangkauan dan makanan yang ditempah hanya bagi 30,000 orang sahaja, kata Dr Mahathir kepada pemberita di akhir sesi pertama rumah terbukanya yang diadakan antara 10 pagi dan 1 petang. Sesi kedua dan yang terakhir akan diadakan antara 3 petang dan 6 petang.

"Nampaknya bilangan yang datang lebih ramai daripada biasa," katanya dengan beribu-ribu lagi orang menunggu di luar dewan itu untuk menemui beliau.

Beliau berkata, bilangan besar pengunjung dan kegembiraan pada mereka juga menunjukkan ekonomi telah pulih.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya rakyat datang ke rumah terbuka itu untuk mengucapkan tahniah kepadanya kerana kejayaan besar Barisan Nasional dalam pilihan raya 29 Nov lepas dan juga untuk melihat sendiri Sri Perdana.

Ditanya akan pandangan rakyat mengenai Sri Perdana, Dr Mahathir berkata mereka kagum dengan keindahannya.

"Ini rumah bukan rumah saya. Ini rumah dia orang (rakyat). Ia mahligai rakyat," kata beliau.

Ditanya lagi sama ada bilangan besar pengunjung itu adalah kerana orang ramai ingin melihat sendiri Sri Perdana yang sebelum ini telah menerima banyak publisiti, Dr Mahathir berkata: "Anda boleh berkata yang sama bagi masjid (di Putrajaya)."

"Beribu-ribu orang datang melihat masjid itu kerana publisiti dan tuduhan pembaziran wang oleh kerajaan. Jadi, orang ramai mahu datang melihat sendiri bagaimana wang itu dibazirkan."

"Tetapi tiada siapa di sini yang katakan ia membazirkan wang. Pada hakikatnya, komen mereka ialah mereka tidak faham mengapa ada orang mahu 'lelong' ini," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata demikian merujuk kepada kenyataan Presiden PAS Datuk Fadzil Noor Julai lepas yang parti itu akan melelong Sri Perdana jika ia memenangi pilihan raya lepas.

Ditanya mengapa beliau masih belum berpindah ke Sri Perdana yang baru itu, Dr Mahathir berkata beliau sibuk.

"Saya belum berpindah lagi tetapi sekali sekala bermalam di sini. Jika ada majlis di sini, saya akan bermalam di sini," katanya

Dengan orang ramai yang menunggu semakin hilang sabar, Dr Mahathir menamatkan persidangan beritanya dan teruskan dengan menyambut tetamu-tetamunya.

-- BERNAMA

ES PR